

D112

U B470 AAB  
MAHATHIR - PUJI

KANGAR, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMUJI KERAJAAN PERLIS PIMPINAN DR ABDUL HAMID PAWANTEH KERANA BERJAYA MENTADBIR NEGERI INI DENGAN CEKAP HINGGA DAPAT MEMPUNYAI SIMPANAN \$120 JUTA.

KATANYA INI MERUPAKAN KEJAYAAN YANG HARUS DIHARGAI DAN IANYA DICAPAI ADALAH HASIL KERJASAMA ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN WAKIL-WAKIL RAKYAT.

BERUCAP PADA PERHIMPUNAN KIRA-KIRA 2,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN DI STADIUM DATUK SHEIKH AHMAD DI SINI SEMPENA LAWATAN BELIAU KE PERLIS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN ITU TIDAK AKAN TERCAPAI TANPA KERJASAMA KAKITANGAN KERAJAAN.

BELIAU JUGA BERKATA MALAYSIA IALAH SEBUAH NEGARA YANG BERTUAH KERANA MENDUDUKI TEMPAT KELIMA DI ANTARA 130 BUAH NEGARA MEMBANGUN DENGAN PENDAPATAN PER KAPITA SEBANYAK AS\$2,000 (M\$3,400) SETAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP RAKYAT AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT LAGI. -- LAGI 1241MST 20 08 90

aab

Mahathir - Puji 2 Kangar

Menurut beliau, pengalaman BN memerintah negara lebih 30 tahun harus disambung bagi membolehkan kerajaan membawa kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat.

Mengenai dasar penswastaaan, beliau berkata ia dilaksanakan bukan saja untuk memberi khidmat yang cekap, tetapi juga memberi keuntungan kepada kerajaan.

Katanya pada masa dulu kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja kepada agensi-agensi kerajaan seperti Pelabuhan Klang dan Telekom Malaysia, tetapi kini setelah diswastakan, kedua-duanya mendapat keuntungan yang besar dan meringankan beban kerajaan.

Dalam ucapannya pula, Dr Abdul Hamid berkata Perlis menempa sejarah sejak Merdeka kerana dapat mengumpul \$120 juta dalam bank-bank dan akan dapat menjelaskan hutang kepada kerajaan pusat dalam masa 15 tahun akan datang.

Beliau mengaitkan kejayaan itu dengan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir diperingkat pusat.

Dalam lawatan seharinya ke negeri ini, Perdana Menteri diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perumahan Sarawak, Datuk Celestine Ujang. -- Bernama